

BENCANA BANJIR

JOHOR BAHRU: FAKTA DAN ANGKA



LATAR BELAKANG

- Johor Bahru terletak di posisi yang amat istimewa dan strategik di Selatan Semenanjung Malaysia. Tidak hairanlah ia menjadi pintu masuk paling popular dari selatan sehingga mendapat jolokan "***The Southern Gateway to Peninsular Malaysia***".
- Daerah ini meliputi kawasan seluas 1,816 kilometer persegi. Daerah ini juga dikenali sebagai daerah metropolitan Johor Bahru kerana dari segi bilangan penduduk mempunyai melebihi satu juta orang.
- Bandar-bandar yang terdapat di dalam Daerah Johor Bahru ialah Bandaraya Johor Bahru, Iskandar Puteri, Skudai, Puteri Harbour, Desa Tebrau, Bukit Indah, Ulu Tiram, Stulang, Taman Perling, Pasir Gudang dan Permas Jaya.

Sumber: 1. <https://www.mbjb.gov.my/ms/pelawat/info-johor-bahru>
2. https://ms.wikipedia.org/wiki/Daerah_Johor_Bahru



MENGIMBAS BANJIR BESAR DI JOHOR BAHRU, JOHOR



Sumber:
<https://www.facebook.com/SayaOrangJohor/posts/gambar2-sejarah-banjir-di-johor-tahun-2006/1019606854858037>

BANJIR TAHUN 2006

Taufan Utor dikatakan merupakan punca hujan luar biasa ini. Selepas air mulai surut, banjir kedua berlaku ketika orang ramai mula berpindah balik ke rumah selepas banjir pertama yang mengorbankan sekurang-kurangnya 17 orang.




Sumber:
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1160463/johor-bahru-mula-dilanda-banjir>

BANJIR TAHUN 2024


Beberapa laluan utama dilihat mulai dinaiki air yang semakin dalam berikutan rumah pam di situ, yang difahamkan masih rosak dan belum siap dibaiki. Jumlah kediaman terjejas dijangka bertambah susulan keadaan cuaca buruk dan hujan lebat berterusan.



HIDROGRAF STESEN



Paparan hidrograf menunjukkan paras air stesen Sg. Skudai di Kg. Laut, Johor Bahru telah meningkat kepada paras bahaya pada 11 Januari 2025 sehingga 12 Januari 2025.



Paparan hidrograf menunjukkan paras air stesen Sg. Tebrau di Taman Sri Pandan, Johor Bahru telah meningkat kepada paras bahaya pada 11 Januari 2025. Peningkatan paras air tidak begitu konsisten dimana berlaku kenaikan dan penurunan air secara berulang.

Sumber: <https://publicinfobanjir.water.gov.my/aras-air/data-paras-air/?state=JHR>



RAMALAN CUACA


TARIKH	CUACA	RAMALAN
15/01/2025 Rabu	 Hujan di beberapa tempat	Pagi: Tiada hujan Petang: Hujan di beberapa tempat Malam: Hujan di beberapa tempat Min: 23°C Maks: 30°C
16/01/2025 Khamis	 Hujan di beberapa tempat	Pagi: Tiada hujan Petang: Hujan di beberapa tempat Malam: Hujan di beberapa tempat Min: 23°C Maks: 30°C
17/01/2025 Jumaat	 Hujan menyeluruh	Pagi: Hujan di kebanyakan tempat Petang: Hujan menyeluruh Malam: Hujan di kebanyakan tempat Min: 23°C Maks: 30°C
18/01/2025 Sabtu	 Hujan menyeluruh	Pagi: Hujan menyeluruh Petang: Hujan menyeluruh Malam: Hujan menyeluruh Min: 23°C Maks: 30°C
19/01/2025 Ahad	 Hujan menyeluruh	Pagi: Hujan menyeluruh Petang: Hujan menyeluruh Malam: Hujan menyeluruh Min: 23°C Maks: 30°C
20/01/2025 Isnin	 Tiada hujan	Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 23°C Maks: 30°C
21/01/2025 Selasa	 Hujan di kebanyakan tempat	Pagi: Hujan di kebanyakan tempat Petang: Hujan di beberapa tempat Malam: Tiada hujan Min: 23°C Maks: 30°C



BANJIR 2025

➤ Sejumlah 5 PPS beroperasi bagi menempatkan mangsa banjir di Johor Bahru sehingga 15 Januari 2025 adalah seperti berikut:

PETA TABURAN PENDUDUK MENGIKUT MUKIM / BANDAR / PEKAN DAN HOTSPOT PPS



Bilangan Mangsa di PPS



**808 Mangsa
(232 Keluarga)**

Sumber:
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1348576/banjir-di-johor-cecah-hampir-4000-mangsa>

Senarai Pusat Pemindahan Sementara (PPS)

DAERAH JOHOR BAHRU
SEKOLAH
• SEK KEB BASIR ISMAIL (NAM HENG)
• SK BUKIT MUTIARA
• SJK(C) PU SZE

DEWAN
• DEWAN MBJB KG ULU PANDAN
• DEWAN MUAFAKAT MBIP

Sumber:
<https://infobencanajkmv2.jkm.gov.my/landing/index.php?b=1&a=1#>



Sumber:
<https://www.buletintv3.my/nasional/mangsa-banjir-di-johor-meningkat-kepada-2625-orang/>



Sumber:
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1349466/jumlah-mangsa-banjir-meningkat-sedikit-di-johor-tiga-negeri-kekal>

IMPAK BANJIR



Keadaan rumah dan jalan raya ditenggelami air akibat banjir di Kampung Pasir, Johor Bahru berikutan hujan berterusan sejak semalam. - Foto BERNAMA

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1348009/terkini-mangsa-banjir-johor-meningkat-kepada-1786>

BERNAMA
10 January at 22:29 ·

BANJIR JOHOR

Keadaan sebuah kereta yang dihanyutkan arus banjir di sekitar Taman Mawai, Kota Tinggi hari ini. Di Johor, sebanyak 897 orang ditempatkan di 13 pusat pemindahan sementara (PPS) berbanding 355 orang malam tadi dengan lima PPS baharu dibuka di Kota Tinggi bagi menampung peningkatan jumlah mangsa berkenaan.

Sementara itu sebanyak enam jalan ditutup sepenuhnya kepada semua jenis kenderaan akibat banjir di Kota Tinggi melibatkan Jalan Lok Heng-Mawai-Sungai Mas, Jalan Mawai Lama (Rumah Burung), Ladang Siang (Taman Sri Penawar), Jalan Johor Bahru-Endau, Jalan Kota Tinggi-Kluang dan Jalan Kota Tinggi-Sungai Rengit.

Mohd Hilmizudin | BERNAMA

#BernamaNews
#Bernamamages
#banjir



Sumber : <https://www.facebook.com/bernamaofficial/posts/banjir-johor-keadaan-sebuah-kereta-yang-dihanyutkan-arus-banjir-di-sekitar-taman/1055372649955481/>

38 calon SPM di Johor terkesan banjir

Siti Nur Aqila Omar
13/01/2025 10:00 MYT



Seramai 21 orang calon SPM tinggal di Pusat Pemindahan Sementara (PPS), manakala bakinya menumpang rumah saudara. - Gambar hiasan/APM

JOHOR BAHRU: Seramai 38 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 terkesan banjir di negeri Johor setakat hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan negeri Johor, Aznan Tamin berkata daripada angka itu, seramai 21 orang calon SPM tinggal di Pusat Pemindahan Sementara (PPS), manakala bakinya menumpang rumah saudara.

"Ia membabitkan 12 calon SPM di daerah Kota Tinggi, diikuti empat calon SPM di Kluang, Kulai (lapan), Pontian (tujuh), Johor Bahru (tiga) dan Pasir Gudang (empat).

Sumber : <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/38-calon-spm-di-johor-terkesan-banjir-504297>

Banjir: Kami dah letih barang asyik rosak

SHAHRIZAL AHMAD ZAINI (Follow)

12 Januari 2025 03:01pm



KOTA TINGGI - "Bila banjir, barang asyik rosak. Letih macam ni," itu luahan penduduk Taman Mawai setiap kali banjir berlaku di kawasan kediaman mereka dengan kejadian terbaharu pada Jumaat yang turut merosakkan peralatan rumah termasuk perabot.

Seorang penduduk, Muhamad Aziq Abd Aziz, 24, berkata, sesuatu perlu dilakukan dalam usaha menangani permasalahan tersebut.

Menurutnya, setiap kali banjir, pastinya banyak barangan rumah milik penduduk rosak dan keadaan ini sangat memenatkan untuk kami mencuci dan mengemas semula kediaman masing-masing.

Sumber : <https://www.sinarharian.com.my/article/706726/edisi/johor/banjir-kami-dah-letih-barang-asyik-rosak/>




@StatsMalaysia



20 Oktober

2016 - 2030

DEMOGRAFI PENDUDUK



Sumber : 1. Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 : Daerah Pentadbiran Johor Bahru
 2. Anggaran Penduduk Semasa Mengikut Daerah Pentadbiran, Johor, 2024
 3. Penerbitan Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian 2024
 4. Perangkaan Penting Malaysia, 2021 & 2024

PROFIL DEMOGRAFI MENGIKUT MUKIM YANG TERJEJAS BANJIR, DAERAH JOHOR BAHRU, JOHOR

Berdasarkan Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, maklumat penduduk, isi rumah dan tempat kediaman, umur muda (0-14) dan umur tua (65+) mengikut mukim yang terjejas banjir adalah seperti berikut:

MUKIM	JUMLAH	LELAKI	PEREMPUAN	TEMPAT KEDIAMAN	ISI RUMAH	UMUR MUDA (0-14) (%)	UMUR TUA (65+) (%)
Mukim Pulai	505,661	264,710	240,951	174,108	130,643	28.5	3.9
Mukim Sungai Tiram	15,627	9,110	6,517	4,238	4,028	22.3	2.8
Mukim Tebrau	412,373	216,653	195,720	141,744	111,865	26.4	3.2

Sumber: Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 : Daerah Pentadbiran Johor Bahru.



STATISTIK SOSIOEKONOMI & KEMUDAHAN AWAM, JOHOR BAHRU



PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN, 2022

	PURATA (RM)	PENENGAH (RM)
JUMLAH	9,869	8,232

RUMAH IBADAT



127 MASJID



83 TOKONG



55 KUIL



27 GEREJA

KESIHATAN

3 HOSPITAL
KERAJAAN



51 KLINIK
KERAJAAN

GUNA TENAGA



2.9% KADAR PENGANGGURAN
74.5% KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

KESELAMATAN



4 IPD
32 BALAI POLIS



7 BALAI BOMBA

PENDIDIKAN

100 SEKOLAH
RENDAH



47 SEKOLAH
MENENGAH

PAKW, 2023

Bandar
RM 5,232



Luar Bandar
RM 5,292

Sumber : Indikator Kos Sara Hidup, Johor, 2023

KDNK, 2020

(RM Juta)



RM 64,279

Sumber : Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Daerah Pentadbiran, Johor Bahru, Johor, 2015-2020



BILANGAN PREMIS PERNIAGAAN MENGIKUT SEKTOR, JOHOR BAHRU



Sumber: Malaysia Statistical Business Register (MSBR), 2024



LAPORAN KHAS IMPAK BANJIR DI MALAYSIA, 2024

**NILAI KERUGIAN
BANJIR KESELURUHAN** **2023** **2024**
RM755.4 juta **?**

NILAI KERUGIAN BANJIR TERTINGGI MENGIKUT NEGERI

	2023	2024
JOHOR	RM275.0 juta	?
KELANTAN	RM139.7 juta	?
TERENGGANU	RM77.7 juta	?

NILAI KERUGIAN BANJIR TERTINGGI MENGIKUT DAERAH

	2023	2024
BATU PAHAT	RM104.8 juta	?
SEGAMAT	RM54.6 juta	?
PASIR MAS	RM26.8 juta	?

NILAI KERUGIAN BANJIR MENGIKUT JENIS KEROSAKAN

	2023	2024
TEMPAT KEDIAMAN	RM168.3 juta	?
KENDERAAN	RM22.3 juta	?
PREMIS PERNIAGAAN	RM53.2 juta	?
PEMBUATAN	RM10.3 juta	?
PERTANIAN	RM120.6 juta	?
ASET AWAM & INFRASTRUKTUR	RM380.7 juta	?

**10 MAC
2025**


2024

LAPORAN KHAS
IMPAK BANJIR DI
MALAYSIA


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia




PORTAL DAN DASHBOARD DOSM : MEDIUM SEBARAN STATISTIK



OpenDOSM




Kawasanku




MyLocal Stats



SDG




MyDemography



MyAgeing Dashboard



MyPAKW



Portal Bencana NADMA



20 Oktober

2016 - 2030